

**Pakatan mahu SPRM 'diaudit' sebelum mereka siasat laporan audit
Malaysian Insider
Oct 9 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Pakatan Rakyat (PR) berharap siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kepincangan yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012 akan membuahkan hasil dan bukan hanya setakat "melepaskan batuk di tangga."

Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar bagaimanapun mempersoalkan tindakan SPRM yang hanya membawa dua kes ke mahkamah dalam Laporan Ketua Audit 2011, sedangkan berlaku ketirisan dan penyelewengan seperti didedahkan dalam laporan audit berkenaan.

"Itu tindakan wajar (menjalankan siasatan), namun saya pelik kenapa untuk 2011 hanya dua kes didakwa, dan lima dikenakan tindakan disiplin. Berbillion wang negara tiris tetapi hanya tujuh orang ini sahaja yang dikenakan tindakan," katanya ketika dihubungi The Malaysian Insider, di Kuala Lumpur.

"Saya rasa ada keperluan untuk SPRM diaudit. Keberkesanan SPRM menyiasat tidak berjaya timbulkan ketakutan orang ramai," katanya.

Selain siasatan dijalankan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), terdapat dua lagi jawatankuasa siasatan yang menyiasat pendedahan laporan audit berkenaan yang ditubuhkan SPRM dan jawatankuasa di bawah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

"SPRM buat siasatan yang sama setiap kali selepas laporan audit negara dikeluarkan, tapi nampaknya tiada apa-apa hasil, jarang kita lihat ada sesiapa ditahan ataupun didakwa ke mahkamah," kata Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok kepada The Malaysian Insider. Audit SPRM dulu sebelum jawatankuasa mereka menyiasat laporan audit, kata Teresa Kok. Audit SPRM dulu sebelum jawatankuasa mereka menyiasat laporan audit, kata Teresa Kok.

"Tapi saya tidak tahu bila giliran mereka (SPRM) untuk diaudit. Memang mereka sepatutnya diaudit, tapi selama ini kita belum pernah lihat mereka diaudit," katanya.

Naib Pengerusi DAP itu bagaimanapun, memuji tindakan SPRM membuka 15 kertas siasatan berkenaan, namun menegaskan tindakan akhir juga perlu dilaksanakan.

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali, berkata pihaknya membuka 15 kertas siasatan selepas pendedahan yang dibuat oleh laporan audit berkenaan.

Mustafar dalam kenyataannya berkata, siasatan dijalankan di bawah Akta SPRM 2009, dan pihaknya juga mengadakan perbincangan dengan Jabatan Audit Negara bagi mendapatkan maklumat yang boleh membantu penyiasatan dan tindakan sewajarnya.

Katanya, SPRM memandang serius pendedahan laporan audit berkenaan dan akan mengambil tindakan tegas sewajarnya termasuk mengesyorkan tindakan disiplin kepada agensi berkaitan.

"SPRM yang menerajui Pasukan Khas ini akan membentangkan hasil penemuan, pelan tindakan dan cadangan bagi mengambil tindakan terhadap pihak yang didapati melakukan salah laku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan pemalsuan," katanya.

SPRM perlu fokus menyiasat kumpulan kepimpinan atasan, kata Nurul Izzah Anwar. SPRM perlu fokus menyiasat kumpulan kepimpinan atasan, kata Nurul Izzah Anwar. Sementara itu, Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, menggesa badan pencegahan rasuah itu fokus kepada kumpulan kepimpinan atasan yang menyeleweng dan bukan sekadar mengambil tindakan terhadap "ikan bilis."

"Permulaan yang baik, harus diakhiri dengan pendakwaan yang kemas, dan jangan sampai menteri diselamatkan, tetapi anak buah dikorban. Perjuangan menentang rasuah harus bermula daripada pimpinan atasan," katanya dalam khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada The Malaysian Insider.

Antara pendedahan laporan audit negara adalah pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terpaksa menanggung kos RM1.33 juta disebabkan kehilangan aset termasuk pistol, gari, dan kenderaan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bagaimanapun berkata, tiada sebarang penyelewengan berlaku yang menyebabkan kehilangan berkeñaan, sebaliknya kehilangan berkeñaan berlaku ketika menjalankan operasi. – 9 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-mahu-sprm-diaudit-sebelum-mereka-siasat-laporan-audit>